

UCAPAN KETUA PENGARAH
PROJECT KICK-OFF
INISIATIF OPEN SOURCE SOFTWARE
(OSS) SEKTOR AWAM

HOTEL PUTRAJAYA MARRIOT
21 OKT 2003

Bismillahirrahmanirrahim.

Y. Berusaha Saudara Pengacara Majlis,

Y. Bhg. Dato' Yatina Yahaya, Pengerusi DHIT

Y. Bhg. Dato'-Dato' , Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para hadirin sekalian kerana dapat meluangkan masa untuk menghadiri Majlis Permulaan Projek atau Project Kick Off bagi inisiatif Open Source Software Sektor Awam pada hari ini.
2. Projek ini merupakan salah satu lagi inisiatif Kerajaan untuk memperkenalkan pembaharuan dalam bidang ICT. Sepertimana kita sedia maklum, Open Source Software atau OSS, memberi kita pilihan dan boleh mengurangkan pengantungan kepada sistem proprietary. Pengguna OSS juga tertarik dengan penjimatan kos perisian yang

telah dibuktikan. Namun, faktor terpenting yang mendorong Kerajaan menyokong penggunaan OSS, ialah philosophy atau budaya Open Source yang mendorong kita menjadi lebih cenderung untuk ingin tahu, ingin mencuba, kreatif dan berkongsi pengalaman dan kepakaran teknikal. Melalui pendekatan ini, kita dapat menggalakkan penambahan dan peningkatan modal intelek negara. Di samping itu, kita juga dapat menyumbang kepada pencapaian objektif negara untuk menjadi pengeluar perisian berbanding dengan keadaan masa kini, di mana kita masih bergantung kepada perisian yang di impot.

3. Tren industri ICT hari ini, begitu menyakinkan kita bahawa keputusan Kerajaan mengenai OSS adalah tepat. Pada masa kini, perisian yang kerap digunakan pada pelayan ialah perisian Open Source. Sebagai contoh, mengikut laporan majalah CIO isu Mac 2003, sebanyak 60% daripada laman web di dunia menggunakan perisian Apache. Kajian international Data Corporation (IDC) baru-baru ini, juga melaporkan bahawa, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 93%, Linux akan menjadi sistem operasi yang utama bagi pelayan pada tahun 2005. Selain dari itu, pembekal-pembekal utama ICT seperti IBM, HP, SUN juga turut membuat pelaburan dalam OSS.

Para hadirin yang dihormati,

4. Penggunaan OSS di kalangan kerajaan-kerajaan negara lain juga semakin meningkat. Terdapat sesetengah negara, seperti Peru dan Brazil yang telah mewajibkan penggunaan OSS di agensi-agensi Kerajaan melalui penggubalan undang-undang. Begitu juga Germany, United Kingdom, France, China dan Korea, masing-masing menetapkan dasar negara menyokong penggunaan OSS. Perkembangan ini cukup membuktikan penerimaan penggunaan OSS di seluruh dunia, dan ini boleh menjadi petunjuk jalan bagi kita. Malaysia juga tidak ketinggalan dalam inisiatif ini, di mana kerajaan negeri Sarawak telah selangkah ke hadapan dalam menetapkan penggunaan OSS bagi agensi-agensinya.
5. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia telah mempertimbangkan sebaik-sebaiknya dan mengambil pendirian menyokong serta menggalakkan penggunaan OSS di Sektor Awam. Bagi merealisasikan inisiatif tersebut, MAMPU telah diberi tanggungjawab menerajuiinya. Tanggungjawab ini dilaksanakan dengan mengambil tindakan terhadap tiga (3) perkara tersebut iaitu: menyediakan Pelan Pelaksanaan atau Blueprint OSS Sektor Awam, melaksanakan beberapa projek perintis dan menubuhkan Pusat Kompetensi Open Source bagi menyokong dan memudahkan pelaksanaan OSS di agensi-agensi Kerajaan.

6. Pelan Pelaksanaan atau Blueprint akan mengenalpasti arah tuju , rangka kerja, bidang teras dan keperluan teknikal dan perundangan bagi pelaksanaan Open Source di Sektor Awam. Manakala pelaksanaan projek perintis pula, bertujuan untuk menunjukkan Proof of Concept dalam kegunaan OSS. Pusat kompetensi OSS pula, berperanan sebagai pusat rujukan kebangsaan, di mana perkhidmatan-perkhidmatan seperti sokongan teknikal, penyelidikan dan pembangunan, pakar runding perundangan Open Source, latihan dan promosi OSS disediakan. Ini bertujuan untuk memastikan pengurusan perubahan lebih terkawal dan gangguan-gangguan yang mungkin berlaku semasa perpindahan kepada OSS dapat diminimumkan. Pelaksanaan akan dijalankan secara sistematik dan berperingkat supaya tidak menjejaskan kestabilan prestasi pekhidmatan awam.

7. Sebagai penyelaras inisiatif OSS, MAMPU ingin memastikan projek ini berjalan lancar, walaupun kita sedar bahawa jadual pelaksanaan yang disediakan begitu mencabar. Pelan Pelaksanaan OSS dan pusat kompetensi dijadualkan siap pada pertengahan bulan Februari tahun depan. Manakala pelaksanaan 3 projek perintis akan bermula secara serentak selama 3 bulan. Hasil pelaksanaan projek perintis ini, akan digunakan sebagai input untuk mengkaji semula pelan pelaksanaan yang disediakan terdahulu dan juga sebagai panduan untuk menyediakan garis panduan melaksanakan OSS dilain-lain

agensi kerajaan.

Para hadirin sekalian,

8. Saya percaya apa yang penting dan perlu penekanan ialah bagaimana penggunaan Open Source dapat memenuhi hasrat kerajaan dan seterusnya mempertingkatkan lagi prestasi perkhidmatan awam dalam aspek-aspek berikut:

- mengurangkan kos total ownership perisian
- meningkatkan kebebasan pilihan perisian dan inter-operability sistem
- meningkatkan keselamatan organisasi
- dan kewibawaan negara
- mempercepatkan pertumbuhan industri Open Source dan
- merapatkan jurang digital

9. Bagi memenuhi hasrat tersebut kerjasama dari semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, IPTA, pihak pembekal, organisasi dan komuniti Open Source amatlah diperlukan. Satu Industry Participation Plan akan disediakan supaya sektor swasta dapat bekerjasama dengan kerajaan dalam usaha membangunkan keupayaan Open Source. Saya harap usaha sama erat dan komitmen daripada semua pihak tuan-tuan dan puan-puan dapat diwujudkan secara berterusan bagi menjayakan projek ini.

Para hadirin sekalian.

10. Sebelum saya akhiri, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada DHIT, Y. Bhg Dato' Yatina dan rakan-rakan kongsinya di atas penganugerahan projek ini. Saya percaya kepakaran yang ada akan dapat digembelengkan bagi memanfaatkan perkhidmatan awam dan negara.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.